

**SOALAN NO. : 40**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG  
[ SEGAMPUT ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status terkini dan jumlah kos projek pencarian fosil dinosaur di Pahang dan Terengganu. Adakah penemuan fosil dinosaur di dua negeri tersebut telah disahkan oleh pihak ketiga iaitu pakar-pakar yang neutral.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekspedisi menjejak dinosaur di Malaysia bermula seawal 2012 di Negeri Pahang oleh sepasukan penyelidik dari Universiti Malaya dengan kerjasama Universiti Waseda dan Universiti Kumamoto dari Jepun. Ekspedisi tersebut telah menemui fosil gigi dinosaur spesis Spinosaurid Therapod pada tahun 2014.

Pada Oktober 2014, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah menjalankan ekspedisi menjejak dinosaur di Gunung Gagau, Hulu Terengganu. Kawasan tersebut dipilih berdasarkan usia batuanannya yang disahkan berusia antara 203 juta tahun hingga 65 juta tahun (Jura-Kapur). Dalam ekspedisi berkenaan, fosil-fosil gigi, tulang dan kesan tapak kaki dipercayai daripada tiga jenis dinosaur telah ditemui.

Penemuan fosil tersebut telah disahkan oleh pakar paleontologi dari Jabatan Sumber Mineral, Thailand yang telah menemui lebih 20 spesis fosil dinosaur di Dataran Tinggi Korat, Thailand.

Perbelanjaan di lapangan bagi ekspedisi tahun 2014 yang melibatkan JMG serta pensyarah-pensyarah universiti tempatan dalam Kumpulan Warisan Geologi adalah sebanyak RM50,000. Ekspedisi menjejak dinosaur ini akan diteruskan pada Mac 2015 bagi melengkapkan penemuan rangka dinosaur tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN : 41**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah usaha bagi mengesan pesawat MH370 yang hilang akan diteruskan dan nyatakan usaha-usaha tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha bagi mengesan pesawat MH370 yang hilang akan diteruskan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun sebarang keputusan untuk memberhentikan operasi pencarian pesawat MH370 tersebut hanya akan diputuskan bersama oleh Kerajaan Malaysia, China dan Australia setelah mendapat nasihat teknikal daripada Kumpulan Pakar berhubung satelit yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada *Air Accident Investigation Branch* (AAIB), United Kingdom, *National Transportation Safety Board* (NTSB) United States, *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB), Boeing, *Australia's Defence Science and Technology Organisation*, Thales, Inmarsat dan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia.

Operasi mencari pesawat MAS MH370 telah dibahagikan kepada 4 fasa utama iaitu Fasa Transisi (*Transition Phase*), Fasa Ukur Batimetrik (*Bathymetric Survey Phase*), Fasa Pencarian Laut Dalam (*Deep Sea Search Phase*) dan Fasa Dapatan Semula (*Recovery Phase*). Fasa Transisi telah berakhir pada 31 Mei 2014 tanpa sebarang serpihan atau bangkai pesawat yang dijumpai.

Operasi pencarian laut dalam di kawasan pencarian utama yang diketuai oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) menggunakan kapal *Fugro Discovery*, *Fugro Equator*, *Fugro Supporter* dan *GO Phoenix* telah dilaksanakan bermula akhir bulan September 2014 dan akan diteruskan dalam tempoh 12 bulan.

Kapal-kapal ini yang dilengkapi *side scan sonar, synthetic aperture sonar, multi-beam echo sounder* dan *video camera* akan digunakan untuk mengenal pasti lokasi dan identiti pesawat MH370.

Sehingga 25 Februari 2015, operasi pencarian laut dalam telah dilaksanakan dalam kawasan pencarian yang merangkumi kawasan seluas 24,600 km<sup>2</sup>.